

07 MAY 1997

#### PEMAJU CYBERJAYA AKAN LABUR RM3.5 BLN SEPANJANG DUA TAHUN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Cyberview Sdn Bhd, syarikat yang akan melaksanakan pembangunan Cyberjaya, akan melabur kira-kira RM3.5 bilion dalam masa dua tahun, yang mana RM1.3 bilion daripadanya adalah bagi pemilikan tanah sahaja.

"Pada masa ini, kira-kira 36 buah syarikat telah membuat komitmen tegas untuk menempatkan operasi mereka di Cyberjaya," pengerusi eksekutif Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah memberitahu pemberita selepas menandatangani perjanjian usaha sama antara lima buah syarikat untuk menyertai dalam pegangan saham Cyberview.

Kelima-lima syarikat itu adalah Setia Haruman Sdn Bhd, yang akan memiliki 55 peratus kepentingan, Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) 15 peratus, Golden Hope Plantation Bhd 10 peratus, Permodalan Nasional Bhd lima peratus, kerajaan negeri Selangor lima peratus dan MDC bakinya 10 peratus.

Cyberview akan mempunyai modal berbayar sebanyak RM350 juta dan modal dibenarkan RM2 bilion.

Sebelum itu, perjanjian pemegang saham itu ditandatangani oleh Renong Bhd, Landmarks Bhd, Country Heights Holdings Bhd dan Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar bagi penyertaan ekuiti sama rata dalam Setia Haruman.

Cyberview akan memajukan 2,000 hektar dahulu, daripada 7,000 hektar meliputi Cyberjaya, dalam dua fasa.

Cyberjaya adalah bandar raya pintar pertama dirancang bagi Koridor Raya Multimedia dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa upacara memecah tanah pada 17 Mei.

Dr Othman berharap Cyberview akan disenaraikan dalam kategori Syarikat Projek Prasarana pada masa akan datang.

Sementara itu, daripada 36 syarikat yang telah mengesahkan penyertaan mereka dalam Cyberjaya, 19 adalah syarikat tempatan dan 17 syarikat asing.

Tujuh telah mengenal pasti lokasi mereka, iaitu Universiti Multimedia, Kompleks Telekom Malaysia, Kompleks Teknologi Maklumat PNB, Kompleks Multimedia TV3, Kompleks NTT R&D dan ibu pejabat korporat Golden Hope dan MDC.

"Kami menjangka melahirkan projek yang pertama pada 1998, kemungkinan Universiti Multimedia, yang akan diterajui oleh Telekom pada asas laluan laju," kata Dr Othman.

Mengenai penyertaan NTT, katanya ia akan terbabit dalam membekalkan perkhidmatan nilai ditambah seperti pemasangan talian gentian dan menubuhkan makmal R&D. -- BERNAMA

SHO OS/sia